

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI,
DATO' HUSSEIN ONN, DI MAJLIS
JAMUAN TAHUNAN PERSATUAN PER-
KHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK(PTD)
DIHOTELHILTONKUALALUMPUR,
PADA HARI SABTU, 11HB. MAC, 1978
JAM 8.30 malam.

1. Yang Berbahagia Dr. Elyas Omar,
Yang DiPertua Persatuan P.T.D.,
2. *y. A. B. Dato Sri mahathir.*
3. Yang Berbahagia Tan Sri Abdullah Salleh,
Ketua Setiausaha Negara,
4. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya bersyukur kehadiran Allah,
kerana dapat bersama-sama hadir di Majlis
ini. Saya mengucapkan terima kasih serta
setinggi-tinggi penghargaan, kepada Persa-
tuan ini, khusus kepada Yang Di-Pertuanya,

ke Majlis Jamuan ini. Saya

amat subachita, kerana saya
merasa ~~gembira~~ pada malam ini, ~~kerana~~ dapat

sekali lagi bertemu muka serta berkenalan, dengan sebilangan besar daripada pegawai-pegawai PTD, yang diberi tugas utama, mengendalikan jentera pentadbiran Kerajaan di tanah air kita.

2. Sebagai tenaga penting, dalam membuat perancangan dan menjalankan pelaksanaan dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan, maka sewajarnya pegawai-pegawai PTD mempelupori dayausaha, bagi mewujudkan semangat kerjasama dan persefahaman, bukan sahaja dikalangan mereka. bahkan

diantara mereka dengan pegawai dan kakitangan dalam lain-lain bidang, peringkat dan lapisan. Dengan jalan ini, disamping dapat melahirkan perasaan saling-mengerti dan hormat-menghormati, kita dapat mewujudkan satu jentera pentadbiran yang kukuh dan bersatu padu.

3. Sesungguhnya, Persatuanlah merupakan tempat yang paling sesuai bagi menyemai semangat dan perasaan ini. Melalui Persatuan, kita dapat mengikatsilaturrahim, dan mengeratkan kemesraaan, serta dapat mengenali

dengan lebih mendalam lagi diantara satu sama lain. Banyak faedah yang boleh didapati dalam perjumpaan-perjumpaan seumpama ini. Lebih-lebih lagi, bagi pegawai-pegawai PTD lapisan baru, yang mesti mencari pengalaman yang lebih luas. bagi panduan dan kegunaan mereka, di masa akan datang.

4. Pegawai-pegawai lama dalam perkhidmatan, merupakan perbendaharaan pengalaman. Perbincangan dalam suasana penuh kemesraan dalam masa luar pejabat, diantara pegawai-pegawai lama dan baru, tentu boleh mendatangkan

faedah yang bermunafaat kepada perkhidmatan
'amnya, dan Persatuan ini khasnya. Saya
harap, Persatuan ini dapat menyatukan tenaga,
serta mengeratkan kerjasama dan persefahaman,
di kalangan ahli-ahlinya, terutama diantara
golongan lama dan baru. Pegawai-pegawai
baru, yang akan menjadi ketua dan pemimpin
di masa akan datang, haruslah menjadi tali
penyambung, bagi meningkatkan kemajuan
Persatuannya dan mutu kecekapan perkhidmatan

5. Pada hemat saya, dengan wujudnya penyatuan tenaga lama dan baru, serta lahirnya semangat berkhidmat sebagai satu pasukan, maka terjaminlah keutuhan dalam perkhidmatan PTU, yang boleh menghasilkan pencapaian mutu kecekapan dan prestasi yang lebih tinggi lagi, dalam jentera pentadbiran Kerajaan. Saya harap, hasrat ini tercapai di masa yang tidak lama, melalui Persatuan ini. Dengan jalan ini, Persatuan ini dapat memberi sumbangan yang amat bernilai kepada rakyat dan negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

6. Dalam sebuah negara seperti Malaysia, yang mengamalkan sistem Kerajaan demokrasi, seluruh kegiatan pentadbiran Kerajaan, adalah dihalakuarah menyampaikan hasil yang cepat dan banyak kepada rakyat, sama ada dalam bentuk kebendaan atau pun perkhidmatan. Kegiatan-kegiatan ini, dilaksanakan oleh pegawai dan kakitangan Kerajaan, melalui berbagai Kementerian, Jabatan dan lain-lain agensi Kerajaan,

masing-masing dengan fungsi yang berlainan, tetapi saling bergantung diantara satu sama lain, dengan satu matlamat iaitu, memberi perkhidmatan, kemudahan dan layanan kepada rakyat jelata.

7. Mutu kerja pegawai dan kakitangan Kerajaan yang menjalankan tugas-tugas ini, tidak dapat tiada menentukan kecekapan perkhidmatan yang disampaikan kepada masyarakat. Bagi memenuhi harapan rakyat yang tinggi itu, adalah penting supaya jentera pentadbiran Kerajaan dianggotai

oleh pegawai dan kakitangan yang dinamis, cekap, rajin dan dedikasi, serta menggunakan teknik-teknik yang moden, progressif dan berkesan.

7A. Ini bermakna bahawa, pegawai dan kakitangan Kerajaan, selain daripada mempertingkatkan kecekapan mereka dari segi kebolehan teknikal, profesyenal dan pengurusan, hendaklah juga mempunyai 'commitment' pada dasar-dasar Kerajaan, dan melaksanakan dasar-dasar ini, dengan ta'at setia dan jujur.

A technically efficient officer, who is not sincere, who is corrupt, or who is not committed to government policies, worse than an in-efficient but loyal and honest officer. " ..10A/-

73. Kerajaan mempunyai harapan yang tinggi, bahawa Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, dapat menunaikan sebarang peranan yang di-tugas kepada mereka. Akibatnya amatlah tidak baik sekali, jika perkhidmatan ini, tidak dapat memenuhi "expectations", yang Kerajaan letakkan di atas bahu mereka.

8. Usaha kita hendaklah ke arah pencapaian matalamat utama ini, iaitu daya pengeluaran yang tinggi, dengan perbelanjaan yang menasabah, kalau pun tidak serendah-rendahnya, Wang Kerajaan adalah wang rakyat, dan dengan yang

demikian, di dalam membelanjakan wang ini, pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah sedar bahawa, perbelanjaan ini adalah untuk sesuatu tujuan yang tertentu. Matlamat ini, mestilah dicapai, tidak boleh tidak.

8A. "Do not spend for the sake of spending. The efficiency of government departments is judged, not by how much it is able to spend each year, but on how effectively it is spending the public funds. If a government department is able to spend only 50% of its budget, but is able to achieve its original targets,

then the work ^{of} that department is effective.
~~then it is an effective organization.~~ It does

not have to worry why it cannot spend the rest of the money. Indeed, the government expenditure has grown to such an extent in the last few years, that we all have to learn to apply the principle of cost-effectiveness in implementing government projects."

Puan² dan Puan² sekalian.

8B. Semangat berkhidmat kepada masyarakat, hendaklah menjadi cogan utama setiap pegawai dan kakitangan Kerajaan, terutama mereka yang mempunyai peranan secara langsung

dan terus menerus dengan rakyat dan orang ramai. Rakyat berhak menerima layanan yang sebaik-baiknya, adil dan saksama. Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab kita sehari-hari kepada rakyat, kejujuran dan keikhlasan, hendaklah diletakkan di atas segala lain-lain kepentingan.

9. Inilah sifat dan sikap yang mesti diamalkan oleh setiap pegawai dan kakitangan jentera pentadbiran, bagi mengekalkan nama baik Perkhidmatan. Sesungguhnya, perkhidmatan,

langkah dan tindakan pegawai dan kakitangan jentera pentadbiran, mencerminkan imej Kerajaan. Kegagalan pegawai dan kakitangan jentera pentadbiran, menjalankan tugas dan peranan, atau kelambatan dalam melaksanakan sebarang projek dan rancangan, terutama yang bertujuan memberi kemudahan dan faedah kepada rakyat, sudah tentu akan menjejaskan nama baik seterusnya menjejaskan nama baik

Kerajaan, dan / Parti yang memegang teraju pentadbiran Kerajaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

10. Sebagai Ketua Kerajaan, saya adalah

bertanggungjawab terhadap prestasi dan kecekapan jentera pentadbiran. Sebagai pucuk pimpinan parti yang mendukung Kerajaan pula, saya mempunyai tanggungjawab yang lebih kepada rakyat, dan akan berbuat apa jua bagi mengekalkan kepercayaan dan keyakinan rakyat.

11. Ini bukanlah bermakna saya semata-mata mementi masa depan saya, atau masa depan parti saya, tetapi ialah kerana saya dan rakan-rakan saya, mempunyai hasrat dan dedikasi penuh

Kita semua tentulah faham mengenai harapan rakyat, keperluan dan kemampuan rakyat yang miskin dan daif, untuk menikmati keadaan hidup yang lebih selesa dan bahagia. Sebagai pucuk pimpinan parti yang memegang teraju pentadbiran negara, kami akan berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh, bagi membawa perpaduan, keadilan dan kemakmuran. Saya harap, setiap pegawai PTD hendaklah menggerakkan

sepenuh usaha dan tenaga mereka, kearah
pencapaian hasrat dan cita-cita ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

15. Saya menyatakan semua ini, bukanlah bererti khidmat bakti yang telah dicurahkan oleh pegawai-pegawai PTD selama ini, tidak dihargai. Kerajaan dan rakyat menjunjung tinggi di atas kemajuan dan kejayaan yang telah

diperolehi, yang sebahagiannya, adalah hasil pemikiran dan perancangan pegawai-pegawai PTD sendiri.

16. Walau bagaimanapun, kita semua mengakui bahawa, banyak lagi yang hendak dilakukan, yang memerlukan tenaga dan pemikiran yang berlipat ganda lagi. Sapertimana yang selalu saya jelas dan tegaskan, bahawa Kerajaan berazam melaksanakan segala dasar dan projek pembangunan yang telah ditetapkan dan dirancangkan, demi kepentingan dan kebajikan rakyat berbilang kaum di negara

kita ini. Bagi menjayakan sepenuhnya pelaksanaan dasar dan projek-projek pembangunan ini, pegawai-pegawai Kerajaan mestilah benar-benar memahami tujuan dan matalamat setiap dasar dan tindakan Kerajaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

17A. Saya sukalah menegaskan sekali lagi, bahawa Kerajaan akan berbuat apa jua dalam bidang kuasanya, bagi mencapai matalamat

..21/A

pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Jika perlu, beberapa perubahan besar akan dilakukan dalam sistem perkhidmatan awam bagi meningkatkan prestasi jentera pelaksanaan, untuk menjamin supaya Dasar Ekonomi Baru ini, dapat diselenggarakan dengan lebih lancar, licin dan berkesan lagi.

17B. Perubahan-perubahan mungkin dibuat, bukan sahaja bagi meningkat mutu kecekapan pegawai dan kakitangan Kerajaan, tetapi juga bagi memupuk semangat dedikasi dan kejujuran di kalangan pegawai dan kakitangan semua peringkat.

Sebagai pucuk pimpinan, saya telah berikrar mewujudkan Kerajaan yang bersih, jujur dan cekap, yang boleh menyampaikan daya pengeluaran yang lebih berkesan dan berfaedah kepada rakyat. Ikrar ini, saya akan tunaikan sedaya upaya saya, serta dengan sokongan dan kerjasama pegawai-pegawai PTD.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

18. Saya tidaklah hendak melanjutkan ucapan saya ini, kerana kita mempunyai

beberapa acara yang meriah, yang kita sama-sama menunggu. Tetapi, sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sukalah menjelaskan bahawa tekanan dan teguran yang telah saya lafazkan tadi, lahirnya dari hati yang suci, dan dilakukan secara jujur dan ikhlas. Kesemuanya, adalah untuk kepentingan kita bersama, dan juga kepentingan rakyat dan negara seluruhnya.

19. Saya sukalah memberi jaminan di sini bahawa, kami mempunyai kepercayaan penuh kepada pegawai-pegawai PTD, dan juga pegawai-pegawai dalam perkhidmatan yang lain, terutama mereka

yang terlibat dalam penggubalan dasar dan perancangan, serta pelaksanaan projek dan rancangan pembangunan. Saya sendiri sedar bahawa pegawai-pegawai PTD sendiri, sentiasa berikhtiar dan berusaha menjalankan tugas dan peranan masing-masing, dalam memimpin pentadbiran Kerajaan kearah masa depan yang lebih sempurna.

20. Saya difahamkan satu Seminar yang berthemakan "Peranan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dalam Tahun-tahun Tujuh Puluhan(70an) dan Lapan Puluhan (80an) dalam konteks Pembangunan

Negara"telahdiadakanpagiini,dandiikutipula dengan mesyuarat agong tahunan Persatuan PTD. Kongres, seminar atau pun kajian, merupakan usaha yang baik, Saya harap segala hasil yang diperolehi daripada seminar pagi ini, dapatlah dilaksanakan bagi meningkatkan lagi mutu pentadbiran negara kita, supaya setanding dengan negara-negara maju di dunia ini.

21. Saya penuh yakin, dengan usaha yang lebih bersungguh-sungguh, kita semua dapat menunaikan kewajipan dan tanggungjawab kita dengan lebih licin dan berkesan lagi.

22. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan

berbanyak terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan, di atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya malam ini.

Pause here.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Jamuan sudah kita nikmati

Hanya menunggu tari menari

Saya bukan bijak bistari

Pantun dijual terpaksa dibeli.

..26/-

Mahathir ganti Ibrahim Ali

Seluruh kakitangan tambah pendapatan

Wang arrears sudah dinikmati

Kenapakah prestasi tidak ditingkatkan?

Pergi ke Grik membawa bubu

Jala dan pukot di bawa juga

Gaji dah naik, arrears beribu

Kerja pon patut di tingkatkan juga.

•••/27-

Barisan Nasional pantang diuji

Pegang pentadbiran di semua negeri

Rakyat Kelantan, susah di pasti

Marilah kita tunggunya nanti.

Pegawai PTD yang bijak bistari

Golongan penting dalam perkhidmatan

Majlis permai, selesailah kini

Menunggu jemputan, di tahun hadapan.

Terima kasih.



No. Siri 350

No. Penerimaan 147/80